

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1994/95

April 1995

HZA 101 Pengantar Seni Muzik

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGISEBELAS [11] SOALANDI DALAM EMPAT [4] HALAMAN.

Jawab SEMUA soalan daripada Bahagian A, B dan C.

BAHAGIAN A

1. Takrifkan istilah-istilah di bawah:

- | | |
|------------------|-----------------------------|
| [a] atonaliti | [f] polifoni |
| [b] heterofoni | [g] "idée fixe" |
| [c] kordofon | [h] idiofon |
| [d] recitatif | [i] karya-karya "character" |
| [e] irama aditif | [j] bentuk "reverting" |

[20 markah]

BAHAGIAN B

2. [a] Nyatakan konsep-konsep raga(rag) dan tala(tal) dalam muzik kesenian di India.

ATAU

[b] Nyatakan kesamaan dan perbezaan utama di antara ensembel-ensembel Hindustani dan Karnatak, dan jelaskan jawapan anda dengan menyatakan alat-alat muzik tertentu.

[10 markah]

.../2

3. [a] Nyatakan dan bincangkan (secara ringkas) perbezaan di antara tradisi-tradisi gamelan di Pulau Jawa dan Bali dari segi instrumentasi dan fungsi alat-alat tertentu dalam tiap-tiap orkestra itu.

ATAU

- [b] Terangkan konsep gongan yang terdapat dalam muzik di Indonesia dan jelaskan jawapan anda dengan menggambarkan sekurang-kurangnya satu contoh muzik berdasarkan kepada konsep itu.

[10 markah]

4. [a] Muzik Cina merupakan muzik simbolik bercorak objektif dan subjektif. Jelaskan perbezaan antara kategori-kategori ini dari segi masyarakat dan kebudayaan.

ATAU

- [b] Muzik programatik Cina boleh dibahagikan kepada tiga jenis. Merujuk kepada karya-karya Hunting, Recall An Old Friend and The Marriage of Wang Chao-Jun, nyatakan:

- [i] tiga jenis istilah yang berlainan yang digunakan untuk muzik programatik ini;
- [ii] ciri-ciri muzikal yang terdapat dalam ketiga-tiga muzik ini.

[10 markah]

5. [a] Schoenberg dengan 2 orang pelajar komposisinya telah membuat sumbangan yang amat penting kepada perkembangan muzik Abad Ke-20an. Bincangkan stail dan ciri-ciri muzikal yang terdapat dalam muzik mereka.

ATAU

- [b] Muzik programatik adalah suatu genera yang disukai ramai dalam zaman Romantik. Terangkan, dengan memberi:

- [i] dua contoh komposisi
- [ii] komponis komposisi itu
- [iii] ciri-ciri muzik programatik secara umumnya.

[10 markah]

6. [a] Nyatakan perbezaan antara konserto grosso di zaman Barok dan konserto solo di zaman Klasikal.

ATAU

- [b] Jelaskan perbezaan ciri-ciri muzikal dan teknik pianistik dalam karya-karya piano solo Chopin dan Debussy.

[10 markah]

7. [a] Konsep-konsep nasionalisme dan eksotisisme sentiasa di pergunakan dalam komposisi muzikal. Nyatakan ciri-ciri muzikal dalam komposisi nasionalistik dan eksotik dengan memberi contoh-contoh yang sesuai.

ATAU

- [b] Dengan memberi contoh-contoh berkenaan, bincangkan ciri-ciri, genera dan prinsip-prinsip muzik zaman Klasikal.

[10 markah]

BAHAGIAN C

Sila jawab semua soalan dengan memberi nota-nota ringkas dan kata-kata kunci.

8. Jelaskan, dengan menggunakan diagram, susunan kerusi yang standard bagi pelbagai bahagian dalam orkestra Barat.

[5 markah]

9. Muzik Abad Ke-20an berbeza dengan muzik abad yang terdahulu dalam beberapa aspek yang sungguh ketara.

[a] Yang pertama adalah penolakan konsep tradisional mengenai penggunaan harmoni (tonaliti) yang berfungsi.

[b] Yang kedua adalah komponis-komponis menambahkan penggunaan disonans, dan

[c] Yang ketiga adalah komponis merumitkan irama dalam karya mereka.

Merujuk kepada karya As Vesta From Latmos Hill Descending oleh Thomas Weelkes dan karya Anthem For Doomed Youth oleh Paul Zdunek, sila terangkan dengan ringkas aspek-aspek ini. (Petua: jangan ulang aspek-aspek yang tercatat di atas).

[5 markah]

10. Bincangkan secara ringkas mengenai evolusi piano. Dalam jawapan anda, tumpukan perhatian kepada perbezaan alat-alat kibod dari segi mekanisme dan ciri-ciri pengeluaran ton.

[5 markah]

11. Bincangkan seni persesembahan dalam wayang kulit Siam di Malaysia dengan tumpuan kepada bahagian pertama yang dinamakan 'Tok Dalang Muda.' Berikan keterangan (secara ringkas) mengenai episod-episod drama yang tertentu dan perhubungannya dengan aspek muzik dalam 'Tok Dalang Muda' itu.

[5 markah]

-ooooO00oooo-